



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jld. 47

26 Februari 2004

No. 5

ORDINAN KUMPULAN WANG PERUSAHAAN GETAH
(PENANAMAN SEMULA) 1952
(Bil. 8 Tahun 1952)

No. 59.

PERATURAN-PERATURAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL
PERUSAHAAN GETAH (SKIM NO. 6) 1981

Bahawa saya, Haji Abu Bakar bin Baharom, Pengarah RISDA Negeri Kedah Darul Aman pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada saya oleh perenggan 8 Peraturan-Peraturan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Skim No. 6) 1981, dengan ini memberitahu bahawa "Daftar Permohonan-Permohonan Untuk Bantuan-Bantuan Tanam Semula Kebun-Kebun Kecil Getah" bagi tahun 2003 akan dibuka mulai pada 1 Januari 2004 dan ditutup pada 31 Disember 2005.

2. Permohonan-permohonan hendaklah dibuat di atas borang-borang yang ditentukan yang boleh didapati daripada pejabat-pejabat berikut:

- (i) Pejabat RISDA Negeri Kedah Darul Aman, Jalan Telok Wanjah, 05990 Alor Star, Kedah Darul Aman.
- (ii) Pejabat RISDA Daerah Kedah Utara, Kedah Tengah, Kedah Selatan, Kedah Timur serta Pejabat RISDA Stesen di seluruh Negeri Kedah Darul Aman.
- (iii) Kakitangan Luar Pihak Berkuasa Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA).

3. Permohonan yang tidak dibuat di atas borang-borang yang ditentukan atau tidak diterima dalam tempoh yang dinyatakan di atas atau yang tidak dibuat terhadap kebun kecil yang didaftarkan di bawah perenggan 7 Skim itu akan dianggap sebagai permohonan-permohonan yang tidak dilayani.

Bertarikh 12 Januari 2004.

[PSU(K) 1164/1400; Bil.(69) dlm. K.O./9960.09/2.]

HAJI ABU BAKAR BIN BAHAROM,

Unit K.O.,

Pengarah RISDA Negeri,

Kedah Darul Aman

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 Tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

No. 60.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

(Section 261)

SUMMON TO A CHARGOR TO APPEAR IN AN ENQUIRY

Kepada Abdul Halim bin Md. Aroff (K/P 4568255) yang beralamat di No. 138, Kampung Pantai Laut, 23100 Dungun, Terengganu, Darul Iman, pengadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Pokok Sena, 06400 Pokok Sena, Kedah Darul Aman pada hari Isnin 5 April 2004 jam 9.30 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut seksyen 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

To Abdul Halim bin Md Aroff (K/P 4568255) residing at No. 138, Kampung Pantai Laut, 23100 Dungun, Terengganu, Darul Iman, as a chargor in the charge as mentioned in the Schedule below for land/lease/sub-lease as mentioned therein.

Notice is hereby given that I have received from the chargee in the charge an application for an order to be issued under section 260(2) of the National Land Code.

And I hereby propose to hold an enquiry in respect of the above application at the Land Office Pokok Sena, 06400 Pokok Sena, Kedah Darul Aman on Monday 5th April 2004 at 9.30 a.m.

Therefore as required under section 261(1)(c) of the National Land Code, you are hereby required to appear in the above enquiry and show cause why the above order should not be made.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Jabi; No. Lot/Petak/P.T.—3514; Jenis dan No. Hakmilik—GM 636; Bahagian Tanah (jika ada)—Semua; No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 5296/88.

Bertarikh 4 Januari 2004.

Dated 4 January 2004.

[PSU(K) 946/1379 Jld. 26; PTPS/Q/5/2003 (13).]

MOHD FISOL BIN MD NOH,
Pentadbir Tanah Pokok Sena,
Kedah Darul Aman

No. 61.

(Seksyen 263)

PERINTAH-PERINTAH JUAL ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

(Section 263)

ORDERS OF SALE AT INSTANCE OF CHARGE

Saya, Mohamad Shahuri bin Mohamad Norlin, Penolong Pentadbir Tanah Kota Setar, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadai dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah berpuas hati bahawa tidak ada sebab-sebab yang bertentangan.

Dengan ini, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 263, Kanun Tanah Negara, perintah supaya jualan tanah/pajakan/pajakan kecil tersebut.

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan tersebut hendaklah dibuat dengan lelongan awam, yang akan diadakan pada 22 Mac 2004 jam 10.00 pagi di perkarangan Pejabat Tanah Kota Setar, Bangunan Sultan Abdul Halim, Jalan Sultan Badlishah, Alor Star, Kedah Darul Aman; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi tujuan jualan itu ialah RM32,000.00.

2. Saya dapati bahawa jumlah wang yang harus dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh siasatan 16 Disember 2003 ialah RM46,042.37.

I, Mohamad Shahuri bin Mohamad Norlin, Deputy Land Administrator Kota Setar, having made enquiry on the application of the chargee under the charge described in the Schedule below of the land/undivided share in the land/lease/sub-lease so described and being satisfied that no cause to the contrary exists.

Hereby, in exercise of the powers conferred by section 263 of the National Land Code, order the sale of the said land/undivided share in the land/lease/sub-lease.

And I further order—

- (a) that the sale shall be by public auction, to be held on 22nd March 2004 at 10.00 a.m. in the compound of Land Office Kota Setar, Bangunan Sultan Abdul Halim, Jalan Sultan Badlishah, Alor Star, Kedah Darul Aman; and
- (b) that the reserve price for the purpose of the sale shall be RM32,000.00.

2. I find that the amount due to the chargee at the enquiry date 16th December 2003 was RM46,042.37.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Mukim Bukit Pinang; No. Lot/Petak/P.T.—PT. 44; Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 29/1981; Bahagian Tanah (jika ada)—Semua; No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Pers. 6307/1990 Jilid 277 Folio 47.

Bertarikh 16 Disember 2003.

Dated 16 December 2003.

[PSU(K) 946/1379/A Jld. 26; PTKS/Q/116/2003.]

MOHAMAD SHAHURI BIN MOHAMAD NORLIN,
b.p. Pentadbir Tanah Kota Setar,
Kedah Darul Aman

No. 62.

Saya, Mohamad Shahuri bin Mohamad Norlin, Penolong Pentadbir Tanah Kota Setar, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadai dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah berpuas hati bahawa tidak ada sebab-sebab yang bertentangan.

Dengan ini, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 263, Kanun Tanah Negara, perintah supaya jualan tanah/pajakan/pajakan kecil tersebut.

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

(a) bahawa jualan tersebut hendaklah dibuat dengan lelongan awam, yang akan diadakan pada 22 Mac 2004 jam 10.00 pagi di perkarangan Pejabat Tanah Kota Setar, Bangunan Sultan Abdul Halim, Jalan Sultan Badlishah, Alor Star, Kedah Darul Aman; dan

(b) bahawa harga rizab bagi tujuan jualan itu ialah RM52,000.00.

2. Saya dapati bahawa jumlah wang yang harus dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh siasatan 16 Disember 2003 ialah RM53,932.52.

I, Mohamad Shahuri bin Mohamad Norlin, Deputy Land Administrator Kota Setar, having made enquiry on the application of the chargee under the charge described in the Schedule below of the land/undivided share in the land/lease/sub-lease so described and being satisfied that no cause to the contrary exists.

Hereby, in exercise of the powers conferred by section 263 of the National Land Code, order the sale of the said land/undivided share in the land/lease/sub-lease.

And I further order—

(a) that the sale shall be by public auction, to be held on 22nd March 2004 at 10.00 a.m. in the compound of Land Office Kota Setar, Bangunan Sultan Abdul Halim, Jalan Sultan Badlishah, Alor Star, Kedah Darul Aman; and

(b) that the reserve price for the purpose of the sale shall be RM52,000.00.

2. I find that the amount due to the chargee at the enquiry date 16th December 2003 was RM53,932.52.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Mukim Pengkalan Kundor; No. Lot/Petak/P.T.—Lot No. 0241-48; Jenis dan No. Hakmilik—No. GM 7154; Bahagian Tanah (jika ada)—Semua; No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Pers. 681/1992 Jilid 316 Folio 89.

Bertarikh 16 Disember 2003.

Dated 16 December 2003.

[PSU(K) 946/1379/A Jld. 26; PTKS/Q/120/2003.]

MOHAMAD SHAHURI BIN MOHAMAD NORLIN,
b.p. Pentadbir Tanah Kota Setar,
Kedah Darul Aman

NOTIS AM

No. 63.

(Seksyen 254)

NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAN

Kepada Encik Lim Hung Puang dan Cik Tan Swee Yeow yang beralamat di No. 33, Lorong Kurau 7, 13700 Chai Leng Park, Pulau Pinang penggadi di bawah gadaian yang diterangkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tidak dibahagikan dalam tanah/tanah-tanah/pajakan/pajakan kecil yang diterangkan itu.

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan gagal membayar keseluruhan pinjaman perumahan berjumlah RM87,482.80 setakat 14-5-2002.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan bagi tempoh sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh notis ini.

Saya sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254, Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh penyampaian notis ini.

Dan ambil perhatian bahawa, jika kamu gagal memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, saya akan memohon suatu perintah jualan.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/ Pekan/ Mukim	No. Lot/ Petak/ P.T	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar Pajakan/ Pajakan Kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
Tempat Sungai Seluang (Taman Tiruan) Mukim Sungai Seluang, Daerah Kulim, Negeri Kedah Darul Aman	No. P.T 3968	No. H.S.(M) 135/1993	Kesemua	Tiada	Persn. No. 2714/1997 Jilid No. 154 Folio No. 27

Bertarikh 24 Mei 2002.

Affin-ACF Finance Berhad,
(No. Syarikat: 6521-U)
oleh peguamcaranya,

Tetuan Lim, Ooi & Partners,
Pulau Pinang

Tandatangan (atau lain-lain bentuk pelaksanaan)
oleh atau bagi pihak penerima gadaian)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian atau daripada penerbitan ini boleh dipersembahkan semula atau disiarkan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa pun cara elektronik mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebarangnya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
(Penerbit kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR STAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA